

07 MAY 1996

Salleh-RMK7

SABAH YAKIN BOLEH CAPAI PERTUMBUHAN YANG DIUNJUKAN DI BAWAH RMK7

KOTA KINABALU, 7 Mei (Bernama) -- Sabah yakin boleh mencapai kadar pertumbuhan ekonominya melebihi unjuran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), kata Ketua Menteri, Datuk Salleh Said Keruak hari ini.

Beliau berkata atas usaha gigih dan lebih agresif yang diambil oleh kerajaan, Sabah juga mampu mencapai kadar pertumbuhan lapan peratus seperti yang ditetapkan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Sabah (RRJPS).

"Saya percaya kadar pertumbuhan itu boleh dicapai jika kita mempunyai satu pendekatan yang realistik dan peka terhadap masalah pembangunan yang kritikal di Sabah," katanya dalam kenyataan mengulas RMK7 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen semalam.

Sabah diperuntukkan lebih RM4,000 juta atau 6.6 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan kerajaan pusat, yang kedua terbesar berbanding dengan negeri-negeri lain di bawah RMK7.

Salleh berkata jumlah itu merupakan peningkatan yang amat signifikan bagi Sabah kerana ia merupakan pertambahan hampir dua kali ganda berbanding RMK6, yang berjumlah lebih RM2,500 juta.

"Ini jelas menunjukkan kepekaan dan kesungguhan kerajaan pusat yang diterajui Barisan Nasional (BN), terhadap usaha membangunkan Sabah," katanya.

Katanya sekalipun ekonomi negara secara keseluruhannya dialih daripada dijana oleh input pelaburan kepada strategi yang dijana oleh produktiviti, Sabah masih lagi berada di tahap di mana ia masih perlu dijana oleh input pelaburan.

Oleh itu, kata Salleh, Sabah masih memerlukan infrastruktur asas, termasuk penyediaan tapak-tapak perindustrian yang sesuai, zon perdagangan bebas dan insentif serta suasana pelaburan yang kondusif untuk menarik dana pelaburan sama ada dari luar mahupun dalam negeri.

Katanya, untuk menarik dana pelaburan datang ke Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa pengiktirafan kerajaan terhadap potensi penyertaan negara dalam membangunkan Kawasan Pertumbuhan Ekonomi Serantau seperti Pertumbuhan Segi-tiga Indonesia-Malaysia-Thailand dan BIMP-EAGA, sudah kena pada masanya.

Ini memberi peluang yang amat baik bagi Sabah untuk menyertai rangkaian pembangunan serantau yang mempunyai potensi yang lebih baik berasas tarikan "saingan perbandingan" dan "ekonomi saling bantu-membantu" yang sedia ada, katanya.

Bagi kerajaan negeri, kata Salleh, usaha telah dilakukan untuk menggerakkan pembangunan ekonomi Sabah dengan menyediakan satu RRJPS yang menggariskan halatuju pembangunan ekonomi Sabah sehingga 2010 supaya lebih lestari dan berdaya saing. -- BERNAMA

OPP AHH